

KEDUDUKAN GENDER KETIGA DARI SUDUT HUKUM SYARAK DAN PERUNDANGAN DI MALAYSIA

¹Mohammad Ramzi Zakaria,

²Dr. Asma Hakimah Ab. Halim, ²Prof Madya Shamsuddin Bin Suhor

¹Jabatan Pendidikan Islam dan Pengajian Umum,

Kolej Pengajian Islam Johor(Marsah)

²Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia

ramzi.zakaria9029@yahoo.com

ABSTRAK

Kehadiran gender ketiga ini menjadi satu persoalan kepada masyarakat Malaysia apabila golongan ini menyatakan kedudukan dan hak mereka wujud menurut undang-undang dan perspektif Islam. Keadaan ini menjadi kerungsingan dan kebimbangan masyarakat apabila perkara ini menjadi satu pemasalahan, apatah lagi kehadiran golongan ini semakin meningkat dari semasa ke semasa. Melalui penulisan ini, satu analisis kandungan digunakan bagi menjelaskan kedudukan gender ketiga di Malaysia dari aspek perundangan dan hukum syarak sebagai satu pendedahan dan pengetahuan kepada masyarakat, malah sebagai satu cadangan dalam penambahbaikan dari aspek perundangan di Malaysia. Dalam akhir penulisan ini, pengkaji mendapati bahawa kehadiran gender ketiga ini masih tidak dapat pengiktirafan dari sudut perundangan Islam dan hukum syarak tetapi dari segi perundangan sivil masih menerima golongan ini selagi tidak melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang. Oleh itu, satu peruntukan undang-undang perlu diwujudkan dengan jelas bagi memastikan kehadiran gender ketiga ini benar-benar tidak diiktirafakn di Malaysia, malah mengelakkan kekeliruan masyarakat terhadap peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan oleh negara ini.

Kata kunci: Gender ketiga, hukum syarak, undang-undang

THE THIRD GENDER POSITION FROM LAW AND ISLAMIC LAW IN MALAYSIA

ABSTRACT

This third gender presence is a problem for Malaysians because these groups affirm their position and rights in accordance with Islamic law and perspectives. This situation has become a source of anxiety and concern for the community when it is a problem, especially because the presence of this group has increased over time. Through this article, content analysis is used to clarify the third gender position in Malaysia from legal and legal aspects as an expression and knowledge

to the public, as well as suggestions for improvements in the Malaysian legal aspects. At the end of this article, the researcher found that the existence of this third gender still cannot be recognized from the viewpoint of Islamic law and Islamic law but in terms of civil law they still accept this group when committing unlawful acts. Therefore, legal provisions need to be made to ensure that this third gender presence is not recognized in Malaysia, and to avoid misunderstanding of the law enforcement community in the country.

Keywords: Third gender, Islamic Law, Law

PENGENALAN

Lesbian, gay, biseksual dan transgender(LGBT) adalah empat persatuan yang disatukan pada tahun 1980-an di Amerika yang memperjuangkan kedudukan pengiktirafan golongan ini dan hak asasi di negara tersebut.¹⁰ Merujuk istilah-istilah tersebut, transgender adalah salah satu persatuan yang terdiri daripada golongan gender berbanding dengan golongan lesbian, gay dan biseksual yang merupakan daripada golongan seksual. Di samping itu, persatuan ini telah meluaskan usaha untuk mendapat pengiktirafan di seluruh negara termasuk Malaysia, namun pengiktirafan kehadiran golongan ini tidak diterima oleh masyarakat di Malaysia atas sebab pemasalahan dan isu yang ditimbulkan merupakan satu perkara yang mendarangkan impak negatif pada masa akan datang. Isu ini telah menjadi pokok utama perbahasan dan perbincangan di seluruh dunia atas pemasalahan yang ditimbulkan sehingga menjadi kepincangan hari ini. Fenomena gender ketiga ini telah menjadi serius apabila perkembangan budaya-budaya yang dibawa telah mempengaruhi generasi muda sama ada melalui teknologi, media massa atau pengaulan sekeliling sehingga memberi impak negatif. Faktor-faktor kewujudan ini juga atas sebab kekurangan didikan ibubapa, kemahuan ibubapa yang menginginkan jantina anak yang berbeza senjak lahir lagi, pengaruh-pengaruh budaya tidak sihat, trauma atau dendam yang dialami ketika menjadi gender asal tersebut seperti putus cinta dan sebagainya. Keadaan-keadaan ini boleh mendarangkan tekanan dalam kehidupan melalui emosi seseorang sehingga ia menghantui itu dalam pemikiran dan secara tidak langsung seseorang itu akan mudah terjebak atas sebab hasutan-hasutan yang mengajak dirinya untuk mengubah fitrah dalam dirinya sendiri. Pemasalahan ini telah menjadi kebimbangan dan ketakutan kepada masyarakat pada hari ini, apabila tiada solusi yang berkesan bagi menyelesaikan pemasalahan ini lagi-lagi peningkatan kewujudan kehadiran gender ketiga ini sehingga menyukarkan menilai dan menentukan jantina seseorang itu. Oleh itu, pemasalahan kehadiran gender ketiga ini akan dibincangkan dalam kajian ini dengan melihat kedudukannya dari segi sudut hukum syarak dan perundangan di Malaysia.

¹⁰E. Wayne Ross, 2006, The Social Studies Curriculum Purposes Problems & Possibilities, Third Edition, hlm 257

PENSYARIATAN HUKUM SYARAK

Allah telah menciptakan manusia di bumi ini dengan mempunyai gender tersendiri yang berpasang-pasangan sama ada lelaki mahupun perempuan. Kesempurnaan kejadian yang diciptakan ini menunjukkan kekuasaan Allah yang tiada batas-Nya, malah menjadikan martabat manusia lebih tinggi dengan makhluk-makhluk lain yang telah diciptakan-Nya. Segala perjalanan kehidupan manusia di muka bumi ini dikaitkan dengan gender, sama ada aspek politik, sosial mahupun ekonomi. Ini dinyatakan dalam firman Allah Ta’ala dalam surah al-Najm ayat 45 iaitu:

Dan bahawa sesungguhnya, Dialah yang mencipta pasangan lelaki dan perempuan.

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa Allah hanya menciptakan semua makhluk terutama manusia mempunyai dua gender atau jantina sahaja di muka bumi ini dengan hidup berpasang-pasangan iaitu lelaki dan perempuan. Ini dapat diterangkan lagi melalui tafsir al-Tabari,¹¹ yang mana Allah memperingatkan bahawa sesungguh-Nya Dia yang menciptakan pasangan iaitu lelaki dan perempuan terdiri suami isteri iaitu lelaki suami kepada perempuan dan perempuan adalah isteri kepada suami. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa penciptaan gender selain lelaki dan perempuan adalah tidak wujud dan tidak benar melainkan kecacatan tertentu yang dipanggil khunsa.¹² Ini dapat dijelaskan lagi dalam firman Allah dalam surah Yasin ayat 36:

Akuilah kesucian Allah Tuhan yang telah menciptakan makhluk-makhluk, semuanya berpasangan; sama ada dari yang ditumbuhkan oleh bumi, atau dari diri mereka, ataupun dari apa yang mereka tidak dapat mengetahuinya.

Merujuk ayat di atas jelas menunjukkan bahawa Allah memperlihatkan kekuasaannya kepada hamba-hamba-Nya dengan menciptakan segala-gala di bumi seperti tumbuh-tumbuhan, buah-buahan dan tanam-tanaman, malah Allah Ta’ala juga menjadikan lelaki dan perempuan serta makhluk-makhluk lain yang tidak mereka ketahui dengan berpasang-pasangan.¹³

Kedua-dua dalil ini telah menerangkan lebih detail dan terperinci bahawa Allah telah menciptakan makhluk-makhluk-Nya dengan berpasang-pasangan, malah dengan kekuasaan ini menunjukkan tiada batasan dalam ciptaan-Nya. Tambahan lagi, Allah juga menjelaskan bahawa jantina atau gender manusia yang wujud di muka bumi ini hanya terdiri dua pasangan iaitu lelaki dan perempuan. Kewujudan dua jantina ini telah terbukti tiada lagi wujud jantina lain

¹¹ Abu Jaafar Mohammad, 1997, Tafsir al-Tabari, Beirut, hlm 535.

¹² Mempunyai dua alat kelamin iaitu lelaki dan perempuan.

¹³ Abdullah, 2008, Tafsir Ibnu Katsir, jil 8, Jakarta, hlm. 20

yang diciptakan oleh Allah. Ini dijelaskan lagi dalam firman Allah dalam surah al-Tin ayat 4 iaitu:

Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai Dengan keadaannya).

Penjelasan ayat ini menunjukkan setiap kejadian manusia yang telah diciptakan merupakan perkara yang saling melengkapi. Maka perkara ini jelas bahawa setiap kewujudan lain yang diciptakan oleh manusia itu sendiri adalah satu perkara yang bertentangan dengan landasan kekuasaan-Nya dan ini boleh menyebabkan terpesongnya akidah seseorang itu. Ayat-ayat al-Quran yang dinyatakan oleh Allah ini telah jelas menunjukkan bahawa tiada kewujudan selain dua jantina yang diciptakan iaitu lelaki dan perempuan. Sekiranya ada selain jantina tersebut, ia adalah satu perbuatan manusia yang menyesatkan diri atas hasutan-hasutan syaitan.

Perkara ini juga dijelaskan dalam sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan daripada Ibn ‘Abbas r.a menyatakan bahawa baginda menyebut:

بِالرِّجَالِ النِّسَاءُ مِنَ الْمُتَشَبِّهِتِ بِالنِّسَاءِ الرِّجَالُ مِنَ الْمُتَشَبِّهِينَ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ اللَّهُ صَلَّى اللَّهُ رَسُولُ لَعْنِ

Maksudnya: “Rasullullah S.A.W melaknat lelaki yang menyerupai perempuan dan perempuan menyerupai lelaki.”¹⁴

Hadir ini jelas menyatakan bahawa baginda melaknat bagi orang-orang lelaki atau perempuan yang melakukan atau mengayakan seperti seorang perempuan kerana perbuatan ini merupakan satu perkara yang mengubah ciptaan Allah Ta’ala. Ini juga dijelaskan oleh Rasulullah SAW lagi daripada Abu Hurairah r.a bahawa baginda bersabda:

تَلْبِسُ الْمَرْأَةِ لِبْسَ الرَّجُلِ وَصَلَّمَ عَلَيْهِ اللَّهُ صَلَّى اللَّهُ رَسُولُ لَعْنِ

الرِّجَلِ لِبْسَةٍ

Maksudnya: “Rasulullah melaknat lelaki yang memakai pakaian wanita dan wanita yang memakai pakaian lelaki.”¹⁵

Merujuk hadis yang kedua ini, Rasulullah menjelaskan lagi secara khusus bahawa baginda melaknat bagi lelaki yang memakai pakaian perempuan kerana perbuatan ini adalah bertentangan dengan sifat semulajadi yang Allah ciptakan. Maka, dengan berdasarkan kedua-dua hadis ini dapat dinyatakan bahawa kedudukan gender ketiga ini dari sudut hukum syarak adalah tidak wujud dan ia

¹⁴ Diriwayat oleh al-Bukhari, Kitab al-Libas (Pakaian), Bab Lelaki Menyerupai Wanita dan Wanita Menyerupai Lelaki, No. 5435,6834.

¹⁵ Sulayman Bin al-Ash’ath Abu Dawud al-Sajistani al-Azdi, (t.t.), Kitab al-Libas, Bab pada Pakaian Wanita, no Hadis 4098. Jil. 2, hlm 458

merupakan satu perbuatan yang keji malah mendapat lanat Allah dan Rasul kerana perbuatan ini adalah satu perlakuan diri sendiri yang berlaku atas sebab hasutan syaitan dan nafsu.

Dalil-dalil yang dinyatakan dalam al-Quran dan hadis ini menunjukkan kedudukan gender ketiga ini bukan satu pengiktirafan dalam aspek hukum syarak, malah ia merupakan satu perbuatan yang bertentangan dengan Islam. Walaupun perbuatan itu adalah satu fitrah, tetapi ia merupakan satu tingkah laku yang berbentuk kemungkaran yang mengubah ciptaan Allah. Oleh itu, penjelasan ini telah membuktikan bahawa dalam Islam tidak menerima dan mengiktirafkan kedudukan gender ketiga ini sebagai satu jantina asli, malah ia satu gender yang dicipta dengan pengubahan manusia itu sendiri.

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

Kedudukan gender ketiga dari aspek perundangan masih tidak diiktirafkan sama ada dalam undang-undang sivil mahupun undang-undang syariah. Begitu juga, dalam Perlembagaan Persekutuan yang tidak mengiktirafkan kedudukan gender ketiga ini seperti mana dalam kes Juzaili yang memperjuangkan hak asasi dan kedudukan transgender di Malaysia. Walau bagaimanapun, Mahkamah Persekutuan yang menyatakan peruntukan seksyen 66 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 yang dihujahkan oleh Juzaili tidak bertentangan dengan Perkara 5(1), 8(2), 9(2) dan 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan.¹⁶

Dalam undang-undang sivil tidak menyatakan secara umum dan khusus tentang kedudukan gender ketiga ini tetapi hanya menyatakan kesalahan bagi perbuatan seksual sejenis bagi gender ketiga ini iaitu dalam Seksyen 377A, 377B dan 377C Kanun Keseksaaan¹⁷. Ketiga-tiga peruntukan ini menyatakan kesalahan dan pensabitan hukuman ke atas pesalah-pesalah yang melakukan perbuatan persetubuhan yang luar tabii dari mana-mana tubuh manusia yang bukan tempatnya. Ketiga-tiga peruntukan ini dapat dijelaskan seperti berikut:

- a) Seksyen 377A¹⁸ menyatakan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii. Menurut seksyen ini memperuntukan mana-mana orang yang melakukan perhubungan seks dengan seseorang lain dengan memasukkan zakarnya ke dalam dubur atau mulut seseorang lain itu dikata melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii.

Menurut peruntukan di atas menjelaskan kemasukkan zakar ke mana-mana dalam anggota badan terutamanya dubur dan mulut ketika melakukan persetubuhan atau hubungan seks adalah satu kesalahan dan boleh dikenakan hukuman selama tempoh yang boleh sampai dua puluh tahun dan boleh dikenakan sebat di bawah seksyen 377B Kanun Keseksaaan.¹⁹

¹⁶ Mahfudzah Mohamad, 2016, Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender: Perspektif Undang-undang Jenayah Islam, *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, Jil. 19, Selangor, hlm. 29-36.

¹⁷ Akta 574

¹⁸ Kanun Keseksaaan (Akta 574)

¹⁹ Akta 574

b) Seksyen 377C²⁰ menyatakan melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii tanpa kerelaan. Menurut seksyen ini memperuntukan barang siapa dengan sengaja melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan luar tabii ke atas seseorang lain tanpa kerelaannya, atau bertentangan dengan kemahuannya atau dengan meletakkan orang lain dalam ketakutan mati atau cedera kepada orang itu atau kepada mana-mana orang lain, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh tidak kurang dari lima tahun dan tidak lebih dari dua puluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan sebat.

Merujuk seksyen ini menjelaskan apabila seseorang melakukan persetubuhan secara bertentangan dengan memasukkan mana-mana lubang anggota kepada mana-mana orang dalam keadaan paksaan atau bukan keralaan orang tersebut atas sebab ketakutan yang menyebabkan kematian atau kecederaan ke atas diri orang itu maka ia boleh disabitkan hukuman sepetimana dalam peruntukan seksyen tersebut.

Kedua-dua peruntukan seksyen dalam Kanun Keskaan ini jelas menunjukkan tiada penyentuhan secara khusus terhadap kesalahan perbuatan gender ketiga ini seperti berpakaian atau berwatakkan perempuan tetapi hanya menerangkan kesalahan gender ketiga melakukan perbuatan seks sejenis di antara mana-mana orang. Walau bagaimanapun, di dalam peruntukan undang-undang syariah dalam Akta atau Enakmen ataupun Ordinan Jenayah Kesalahan Negeri-negeri di Malaysia telah menyentuh lebih terperinci kesalahan gender ketiga ini sebagai satu kesalahan dari sudut undang-undang Islam. Peruntukan-peruntukan ini dapat dijelaskan adalah seperti berikut:

Negeri	Seksyen	Peruntukan	Denda	Pemenjaraan
Wilayah ²¹ Persekutuan	28	Lelaki berlagak seperti perempuan	≤RM1000	≤ 1 Tahun
Johor ²²	28	Lelaki berlagak seperti perempuan	≤RM1000	≤ 1 Tahun
Kedah ²³	7	Pondan	≤RM1000	≤ 6 Bulan
Kelantan ²⁴	7	Pondan	≤RM1000	≤ 6 Bulan
Terengganu ²⁵	33	Lelaki berlagak seperti perempuan	≤RM1000	≤ 1 Tahun
Melaka ²⁶	72	Lelaki berlagak seperti perempuan	≤RM1000	≤ 6 Bulan
Negeri	66	Lelaki berlagak	≤RM1000	≤ 6 Bulan

²⁰ Kanun Keskaan (Akta 574)

²¹ Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

²² Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997.

²³ Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1988 Kedah.

²⁴ Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985 Kelantan.

²⁵ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir)(Terengganu) 2001.

²⁶ Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991.

Sembilan ²⁷		seperti perempuan		
Pahang ²⁸	33	Lelaki berlagak seperti perempuan	≤RM1000	≤ 1 Tahun
	34	Perempuan berlagak seperti lelaki	≤RM1000	≤ 1 Tahun
Pulau Pinang ²⁹	28	Lelaki berlagak seperti perempuan	≤RM1000	≤ 1 Tahun
Perak ³⁰	55	Lelaki berlagak seperti perempuan	≤RM1000	≤ 1 Tahun
Perlis ³¹	7	Pondan	≤RM5000	≤ 3 Tahun
	7	Pondan(Perempuan berlagak seperti lelaki)	≤RM5000	≤ 3 Tahun
Sabah ³²	92	Lelaki berlagak seperti perempuan atau sebaliknya	≤RM1000	≤ 6 Bulan
Sarawak ³³	25	Lelaki berlagak seperti perempuan	≤RM1000	≤ 1 Tahun

Merujuk jadual di atas menunjukkan kedudukan kehadiran gender ketiga ini masih tidak diiktirafkan di Malaysia, malahan ianya juga adalah satu kesalahan dari segi undang-undang Islam. Peruntukan undang-undang ini merupakan satu tindakan inisiatif kerajaan negeri sebagai satu tindakan awal pencegahan daripada berleluasa bagi sesuatu perbuatan negatif yang akan mempengaruhi perbuatan-perbuatan lain yang menjadi satu kesalahan sehingga mendatangkan kemudarat pada diri seseorang itu seperti melakukan hubungan sejenis(liwat), musahaqah atau persetubuhan sejenis luar tabi'e.

Merujuk penjelasan di atas, telah menunjukkan bahawa kedudukan gender ketiga ini di Malaysia tidak mendapat pengiktirafan hak yang diinginkan golongan ini. Namun begitu, peruntukan dan keputusan kes yang dinyatakan itu tidak dinyatakan secara khusus bahawa kehadiran gender ketiga itu adalah satu kesalahan, berbanding dengan peruntukan undang-undang Islam yang menyatakan secara khusus tentang kehadiran dan kedudukan gender ketiga ini sebagai satu perkara yang mungkar dan menjadi kesalahan besar dalam jenayah. Oleh itu, undang-undang yang sedia ada ini merupakan benteng pencegahan yang bersifat sementara terhadap kewujudan gender ketiga ini.

²⁷ Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992.

²⁸ Enakmen Kesalahan Jenayah (Pahang) 2013.

²⁹ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996.

³⁰ Enakmen Jenayah (Syariah) 1992 Perak.

³¹ Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991 Perlis.

³² Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995 Sabah.

³³ Ordinan kesalahan Jenayah Syariah 2001.

CADANGAN

Kehadiran gender ketiga merupakan pemasalahan yang masih tiada solusinya sehingga kini, tambahan lagi kewujudan golongan ini kian bertambah dari semasa ke semasa. Jika merujuk penjelasan-penjelasan yang dinyatakan pada topik sebelum ini, Islam telah menolak kehadiran secara jelas ke atas golongan ini malah kedudukan gender ketiga ini menjadi satu kesalahan jenayah dalam syariah. Dalil-dalil yang dikemukakan dengan diperincikan melalui tafsiran-tafsiran menunjukkan bahawa tiada pengiktirafan bagi golongan ini kerana kewujudan gender ini adalah satu perbuatan yang diubah oleh manusia sendiri bukan daripada ciptaan dan kekuasaan Allah. Begitu juga dengan para ulama' kini melalui Persidangan Majlis Raja-Raja kali ke-126 pada 13 Disember 1989 telah memfatwakan LGBT sebagai perbuatan yang haram dilakukan sebagai gaya hidup.³⁴ Walaupun, fatwa ini tidak mengikat perundangan Malaysia, kerajaan negeri juga telah mengambil langkah inisiatif dengan mewujudkan peruntukan bagi kesalahan gender ketiga ini (transgender) dalam undang-undang kesalahan jenayah syariah yang telah dinyatakan dalam topik sebelum ini. Walau bagaimanapun, peruntukan ini hanya terikat ke atas orang yang beragama Islam tetapi tidak ke atas orang yang bukan Islam. Ini akan menjadi kerungsingan dan kebimbangan kepada masyarakat tatkala kehadiran gender ketiga ini menunjukkan peningkatan. Peruntukan undang-undang sivil dalam Kanun Keseksaan tidak menyatakan pengkhususan tentang gender ketiga ini malah hanya memperuntukan jenayah peresetubuhan luar tabi'e. Perkara ini jelas menunjukkan Malaysia masih menerima kehadiran gender ketiga ini, walaupun tidak mengiktirafkan kedudukan dan hak mereka sebagai gender baru selain lelaki dan perempuan. Ini jelas terbukti apabila golongan gender ketiga ini saban hari mempamirkan diri di khalayak umum sama ada melalui media sosial, televisyen, majalah dan tempat-tempat umum. Keadaan ini menjadi kebimbangan kepada generasi akan akan datang yang merupakan pemimpin masa akan datang. Maka di sini, penulis mencadang, peruntukan undang-undang Syariah yang sedia ada perlu dipertambahbaikan dari segi sudut peningkatan hukuman. Ini sejajar dengan matlamat dengan prinsip maqasid syariah yang telah digariskan dalam Islam. Manakala bagi perundangan sivil, perlu mewujudkan satu peruntukan seksyen bagi fasal kesalahan gender ketiga ini dalam Kanun Keseksaan sebagai satu inisiatif mengurangkan kadar jenayah, kesihatan dan perkara-perkara yang menjelaskan masa depan negara. Oleh itu, kedua-dua peruntukan undang-undang ini perlu diperkemaskan dan disejmakan semula agar kehadiran gender ketiga ini dapat disekatkan agar tidak menjelaskan generasi dan negara masa akan datang.

KESIMPULAN

Gender atau dikenali sebagai istilah jantina yang terdiri daripada lelaki dan perempuan yang memainkan peranan dan ciri masing-masing. Kedudukan dan

³⁴ Anon, 2009, Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Kuala Lumpur, hlm 38.

martabat setiap gender pada waktu dahulu adalah berbeza dengan keadaan zaman kini kerana setiap perbuatan akan dilihat istilah gender yang ada pada diri seseorang itu contohnya perkerjaan lasak akan dilakukan oleh gender lalaki dan pekerjaan yang lembut atau tidak lasak akan dilakukan oleh gender perempuan. Keadaan ini telah berubah apabila pada hari ini majoritinya sesuatu perkara akan dilihat keupayaan seseorang itu bukan pada gender yang dimiliki. Maka tidak hairanlah perbuatan yang dilakukan oleh gender lelaki boleh dilakukan gender perempuan dan begitu sebaliknya. Walaupun perkara ini tiada batasan atau had pada gender seseorang itu untuk melakukannya, tetapi ia akan mengubahkan diri seseorang gender itu tatkala fitrahnya tidak dapat dikawal oleh dirinya sendiri dengan hasutan-hasutan atau bisikan-bisikan yang menggodai dan mempengaruhi dirinya kepada suatu gender yang bertentangan dengan gender asal. Ini akan menjadi kebimbangan apabila seseorang itu tidak dapat mengawal dirinya, malah menjadi alasan utama adalah fitrah sebagai penyebabnya. Maka tidak hairanlah pada hari ini, kehadiran dan kewujudan gender ketiga atau dikenali transgender ataupun mak nyah menjadi satu pemasalahan yang masih tiada solusi dalam membanteraskannya. Walaupun peruntukan undang-undang Syariah dan hukum syarak tidak mengiktifkan kewujudan gender ketiga ini secara khusus dalam kesalahan jenayah, tetapi peningkatan kehadiran golongan ini semakin menyerlah, malahan dengan kehadiran gender ketiga ini menyebabkan peratusan gender lelaki yang mengidap sakit aids meningkat melalui perbuatan seks bebas di antara gender lelaki dengan lelaki. Ini jelas bahawa peruntukan undang-undang sedia ada masih ada kelopongan yang perlu dipertambahbaikan, terutamanya dari sudut undang-undang sivil jenayah yang tidak menyatakan secara khusus tentang kesalahan gender ketiga ini tetapi hanya menjelaskan kesalahan persetubuhan luar tabi’e. Kelopongan ini akan menyebabkan, kehadiran gender ketiga kian menjadi-jadi, malah seolah-olah Malaysia menggalakan kehadiran gender ketiga ini tanpa pengiktirafn. Oleh itu, satu anjakan pradigma perlu dilakukan oleh kerajaan bagi mencari solusi yang lebih berkesan agar dapat mengurangkan impak-impak negatif yang dibawa oleh gender ketiga ini.

BIBLIOGRAFI

- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.
Enakmen Jenayah (Syariah) 1992 Perak.
Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991 Perlis.
Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992.
Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985 Kelantan.
Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1988 Kedah.
Enakmen Kesalahan Jenayah (Pahang) 2013.
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997.
Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991.
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996.
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995 Sabah.

- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir)(Terengganu) 2001.
Kanun Keseksaan (Akta 574).
Perlombagaan Persekutuan.
Ordinan kesalahan Jenayah Syariah 2001.
Abdullah. 2008. *Tafsir Ibnu Katsir*. Jil. 8. Jakarta:
Abu Jaafar Mohammad. 1997. *Tafsir al-Tobari*. Beirut:
Anon. 2009. *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
Anon. 2012. *Tafsir Pimpinan Al-Rahman*. Selangor: Dar Fikr.
E. Wayne Ross. 2006 *The Social Studies Curriculum Purposes Problems & Possibilities*. Third Edition. United States: State University Of New York Press.
Mahfudzah Mohamad. 2016. Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender: Perspektif Undang-undang Jenayah Islam. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*. Jil. 19. Selangor. hlm. 29-36.